

**KEPERLUAN PEMBINAAN MODUL KURSUS PEMBANGUNAN
KELUARGA ISLAM MESRA OKU PENDENGARAN: ANALISIS ISU-ISU
BERKAITAN**

***THE NEED OF DEVELOPING THE ISLAMIC FAMILY DEVELOPMENT
FRIENDLY COURSES FOR DISABLED WITH HEARING IMPAIRMENT:
ANALYSIS ON RELATED ISSUES***

*Azizah Mohd Rapini,¹ Zanariah Dimon,² Nora'inan Bahari,³ Nawal Solehuddin,⁴ Nur Dayana Mohd Khalil,⁵ Nurhidayah Muhammad Hashim⁶

¹Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
azizah@kuis.edu.my

²Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
zanariah@kuis.edu.my

³Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
norainan@kuis.edu.my

⁴Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
nawal@kuis.edu.my

⁵Pelajar Pascasiswazah Sarjana Syariah Undang-undang Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej
Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

21mt21005@student.kuis.edu.my

⁶Profesor Madya, Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),Universiti Teknologi Mara (UiTM)
nurhi923@uitm.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 1 Oktober 2022

| Selepas Pembetulan: 22 Nov 2022

| Diterima untuk terbit: 30 Nov 2022

Abstrak

Kursus praperkahwinan Islam yang dianjurkan oleh Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia (JAIN) adalah berdasarkan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI) yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Walau bagaimanapun, kursus tersebut hanya diwajibkan kepada bakal-bakal suami isteri yang normal dan tidak diwajibkan kepada golongan OKU. Penyertaan golongan OKU adalah agak terhad disebabkan halangan penyertaan OKU secara fizikal, kemudahan serta prasarana kaedah penyampaian serta kefahaman OKU terhadap isi kandungan modul. Oleh yang demikian kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti isu-isu berkaitan dalam membangunkan satu modul kursus pembangunan keluarga bersifat mesra OKU pendengaran yang lebih komprehensif. Kajian ini merupakan kajian kualitatif lapangan melibatkan metode pengumpulan data melalui perbincangan meja bulat (*Round Table Discussion*) melibatkan informan yang terdiri daripada wakil NGO OKU, ahli akademik, wakil Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sebagai penggubal MBKPPI, wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat dan wakil Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Kajian mendapati terdapat beberapa isu dalam penganjuran kursus praperkahwinan Islam untuk golongan OKU

pendengaran melibatkan fasiliti, keperluan jurubahasa, minat dan penyertaan golongan OKU pendengaran dan kesesuaian isi kandungan modul sedia ada untuk disampaikan kepada OKU tersebut. Justeru, kajian ini merumuskan wujud keperluan membina modul kursus pembangunan keluarga mesra OKU pendengaran yang lebih sesuai dan relevan digunapakai untuk penganjuran kursus pra perkahwinan golongan OKU pendengaran. Kajian ini menjangkakan sumbangan kepada pihak JAKIM untuk memperkasa penganjuran kursus-kursus pembangunan keluarga Islam khusus untuk golongan OKU pendengaran.

Kata kunci: modul kursus pembangunan keluarga, mesra OKU pendengaran, kekeluargaan Islam.

Abstract

The Islamic Pre-Marriage Course conducted by State Islamic Religious Affairs in Malaysia is based on the Integrated Islamic Pre-Marriage Course Module (MBKPPI) provided by the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM). However, this course is only meant for normal people and is not mandatory for the disabled. The participation of the disabled is very limited due to the physical barriers, no proper facilities, and the content as well as the method of delivery are not friendly for disabled. Therefore, this study aims to identify some relevant issues relating to the need of developing a more comprehensive module which is friendly to disabled especially for those with hearing impairment. This study is a qualitative in nature where data was collected through Round Table Discussion involving informants from several parties including representatives from JAKIM, JAINS, NGOs of Disabled People, Social Welfare Department (JKM), National Population and Family Development Board (LPPKN), academicians and researchers. The study found that there are several crucial issues to be addressed. Among others are, facilities of the seminar rooms which are not disabled-friendly, methods of delivery, the need for interpreters, interest of the target groups and the appropriateness of the content. Thus, this study concludes that there is a need to develop a more comprehensive module that is more appropriate and relevant for the disabled with hearing impairment. It is a hope that the findings could contribute to the body of knowledge and assist the authorities especially JAKIM to better improve the module that could also cover all types of couples including those with hearing impairment.

Keywords: family development course module, hearing impairment, disabled-friendly module, Islamic family.

1.0 Pengenalan

Kursus praperkahwinan yang dianjurkan oleh Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia (JAIN) adalah berdasarkan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI) yang digubal oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Modul tersebut dibangunkan bertujuan memberikan maklumat dan pendedahan berkaitan ilmu asas agama Islam terutama berkaitan akidah, ibadah dan hukum kekeluargaan Islam kepada bakal suami isteri yang akan mendirikan rumah tangga di samping panduan asas pengurusan hidup berkeluarga. Walau bagaimanapun, penganjuran kursus yang menggunakan modul ini hanya diwajibkan kepada bakal suami isteri golongan tipikal

(normal) dan tidak diwajibkan kepada golongan orang kurang upaya (OKU). Ini kerana, penyertaan golongan OKU adalah sangat terhad dan terbatas disebabkan halangan penyertaan OKU secara fizikal, kemudahan serta prasarana berkaitan kaedah penyampaian modul serta kefahaman OKU terhadap isi kandungan modul. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti isu-isu berkaitan yang menjadi asas kepada keperluan dalam membangunkan satu modul kursus pembangunan keluarga bersifat mesra OKU pendengaran yang lebih komprehensif dan menepati kehendak golongan kurang upaya tersebut. Ia sangat penting bagi menyediakan golongan OKU pendengaran kepada satu pengisian program yang lebih sesuai dan relevan sebagai akses kepada golongan kurang upaya ini untuk mendapatkan ilmu-ilmu berkaitan kekeluargaan Islam. Justifikasi kajian menjadikan golongan OKU pendengaran sebagai fokus adalah kerana golongan OKU kategori ini lebih berisiko menjadi kumpulan yang tertinggal dari mendapat maklumat atau pengetahuan praperkahwinan yang sepatutnya disebabkan halangan komunikasi, berbanding OKU kategori lain yang masih boleh mendengar sebarang bentuk penyampaian ilmu walaupun berhadapan halangan pergerakan.

2.0 Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif melibatkan metode pengumpulan data kepustakaan dan data lapangan melalui perbincangan meja bulat (*Round Table Discussion/RTD*). RTD diadakan secara dalam talian sebagai langkah keselamatan semasa negara masih lagi berada di peringkat pemulihan fasa pandemik melibatkan sepuluh orang informan berikut:

- i. Ahli akademik bidang kajian OKU pendengaran
- ii. Wakil NGO OKU pendengaran
- iii. Wakil JAKIM
- iv. Wakil Jabatan Agama Islam Selangor
- v. Wakil Jabatan Agama Islam Perak
- vi. Wakil Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
- vii. Wakil Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan
- viii. Wakil Jabatan Agama Islam Negeri Johor
- ix. Wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat
- x. Wakil Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Pihak-pihak di atas dipilih sebagai informan dalam kajian ini kerana mereka mempunyai pengetahuan yang mendalam berkaitan permasalahan yang dihadapi oleh fokus kajian iaitu golongan OKU pendengaran di samping wakil-wakil Jabatan Agama Islam negeri-negeri sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam penganjuran kursus-kursus praperkahwinan Islam menggunakan modul yang disediakan dan diselaraskan oleh pihak JAKIM (MBKPPI). Sesi RTD diadakan secara soal jawab melalui soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengerusi sesi RTD dan dijawab oleh informan. Soalan-soalan sesi RTD yang telah disahkan oleh pakar disusun terlebih dahulu mengikut tema keperluan kajian dan kemudiannya dikemukakan kepada pihak informan mengikut susunan soalan yang bersesuaian. Data-data dari sesi RTD kemudiannya ditranskripsi dan dianalisis secara induktif bagi mengenal pasti secara tematik berkaitan isu-isu yang menjadi asas kepada keperluan dalam membangunkan satu modul kursus pembangunan keluarga bersifat mesra OKU pendengaran.

3.0 Sorotan Literatur

Orang kurang upaya ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan dalam masyarakat (Akta Orang Kurang Upaya, 2008). Dalam struktur kependudukan Malaysia, OKU boleh dianggap sebagai salah satu kumpulan minoriti yang paling lemah. Menurut WHO, sebanyak 7% daripada penduduk dalam negara di dunia mengalami hilang upaya dan kira-kira 2% akan memerlukan beberapa bentuk perkhidmatan pemulihan. Oleh sebab itu, golongan OKU merupakan golongan yang dianggap rentan disebabkan keterbatasan keupayaan dan kekurangan sifat atau ciri fizikal dari pelbagai kategori OKU. Sebelum ini, OKU sering digambarkan dengan pandangan yang negatif dalam kalangan masyarakat. Mereka diibaratkan seperti seorang individu yang tidak sempurna kesihatannya, kerana mereka memerlukan rawatan dan pertolongan dan keadaannya dilihat sebagai kurang upaya (Hazlin Falina Rosli et al., 2017). Tetapi kini, dengan pelbagai kemudahan dan peluang yang disediakan, golongan OKU sudah mula diterima secara baik dalam masyarakat.

Secara umumnya, OKU di Malaysia dikategorikan melalui tujuh kumpulan utama berdasarkan rekod pendaftaran di Jabatan Kebajikan Masyarakat (Garis Panduan Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) Pindaan 2019) iaitu :

- i. OKU Pendengaran – *bilateral hearing loss, single sided deafness (SSD)/Profound unilateral hearing loss*/tahap pendengaran sangat teruk, kecacatan telinga kekal/sindrom berkaitan telinga/sindrom berkaitan pendengaran serta lain-lain bentuk kecacatan/ketidakupayaan daya mendengar.
- ii. OKU Penglihatan – keupayaan penglihatan yang terhad di kedua-dua belah mata, buta di kedua-dua belah mata, buta di sebelah mata serta lain-lain bentuk kecacatan/ketidakupayaan daya mendengar.
- iii. OKU Pertuturan – kecelaruan pertuturan dan bahasa/kecelaruan komunikasi kompleks, kecelaruan motor pertuturan, kecelaruan suara, kecelaruan kelancaran pertuturan/kegagapan serta kecelaruan resonan/kesengauan pertuturan.
- iv. OKU Fizikal – *limb* (kehilangan separa atau sepenuhnya mana-mana anggota badan), *spinal cord injury* (kecederaan saraf tunjang akibat trauma/bukan trauma), kekurangan atau kehilangan fungsi secara tiba-tiba melibatkan pertuturan, otot, deria, kognitif atau lain-lain sebahagian tubuh badan akibat kekurangan oksigen atau pendarahan di dalam otak, kerdil (*achondroplasia*), *traumatic brain injury* (kekurangan atau kehilangan fungsi secara tiba-tiba melibatkan pertuturan, otot, deria, kognitif atau lain-lain melibatkan sebahagian tubuh badan akibat kecederaan otak), *celebral palsy* serta lain-lain bentuk/penyakit melibatkan ketidakupayaan fizikal.
- v. OKU Pembelajaran – *global developmental Delay* (GDD), sindrom *down*, *attention deficit hyperactivity disorder* (ADHD), autism, kurang upaya intelektual, *dyslexia*, *dyscalculia* serta *dysgraphia*.
- vi. OKU Mental – *organic mental disorder* yang serius, *schizophrenia*, *schizotypal & delusional disorder*, *mood disorder* dan *severe anxiety disorder*.
- vii. OKU pelbagai – mempunyai lebih dari satu jenis ketidakupayaan.

Justeru, bagi membantu golongan OKU ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah merangka satu Dasar Orang Kurang Upaya Negara pada tahun 2007. Perkara yang menjadi asas kepada dasar ini adalah pengiktirafan bahawa golongan OKU ini adalah merupakan sebahagian daripada masyarakat. Oleh itu, mereka mempunyai hak dan peluang yang sama rata untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan yang digunakan oleh dasar ini adalah berasaskan kepada hak dan juga perlindungan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU. Antara strategi yang telah diterapkan di bawah dasar ini ialah advokasi, aksesibiliti, kesihatan, pemuliharaan, pendidikan, pekerjaan, keselamatan diri dan perlindungan sosial, perkhidmatan sokongan, sosial, pembangunan sumber manusia, penglibatan masyarakat, penyelidikan dan pembangunan, perumahan, kanak-kanak OKU dan wanita OKU. Objektif utama di bawah dasar ini adalah untuk memberi pengiktirafan serta penerimaan prinsip bahawa OKU mempunyai hak dan peluang yang sama bagi penyertaan penuh dalam masyarakat, memastikan OKU menikmati hak-hak mereka, peluang dan akses secara saksama di bawah undang-undang negara, menghapuskan diskriminasi terhadap seseorang atas sebab ketidakupayaannya dan untuk mendidik serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai hak OKU (Zulazhar Tahir et al., t.t)

Namun begitu, kajian-kajian lepas mendapati terdapat masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan OKU dalam pekerjaan dan aktiviti kemasyarakatan. Antara masalah utama golongan OKU dalam sistem sosial mereka adalah masalah komunikasi dan masalah mendapatkan perkhidmatan fasiliti yang lebih bersifat mesra OKU (Mohhairil Isaruddin et.al, 2018). Golongan OKU juga berhadapan dengan masalah untuk menyertai aktiviti keagamaan disebabkan kekurangan kemudahan fizikal yang disediakan oleh pihak penganjur seperti masjid, sikap segelintir masyarakat yang kurang menyantuni golongan OKU di samping cabaran dari ahli keluarga atau ibu bapa mereka sendiri yang kurang berminat untuk melibatkan anak-anak yang OKU dalam aktiviti atau program keagamaan (Siti Muhibah Hj. Nor et al, 2020).

Walaupun masyarakat mulai menerima golongan OKU sebagai sama dalam bentuk hak kehidupan, perbezaan tetap wujud dalam keadaan tertentu apabila wujud kekurangan dari aspek kemudahan prasarana, perkhidmatan sosial dan sistem sokongan (Ferlis, Lineker, Jasmine, Laila Wati, Mohd Dahlan & Rosnah, 2016). Golongan OKU terutamanya yang beragama Islam sangat memerlukan satu sistem sokongan yang lebih komprehensif untuk mereka benar-benar memahami hak dan mengaplikasi konsep kekeluargaan Islam setelah mereka berumah tangga. Ini bertepatan dengan pandangan Naimie Mohd Nawawi et al (2020) bahawa golongan OKU merupakan sebahagian daripada kehidupan masyarakat dan mereka berhak untuk memiliki dan merasai kehidupan seperti masyarakat yang lain. Perlindungan dan pendekatan yang terjamin buat golongan OKU amat wajar diberi tumpuan sebaiknya khususnya dalam aspek berkaitan kekeluargaan.

4.0 Hasil Kajian Dan Perbincangan

4.1 Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI)

Setiap pasangan beragama Islam yang berhasrat mendirikan rumah tangga wajib menghadiri kursus pra perkahwinan. Ia menjadi syarat di semua negeri di Malaysia

sebelum mengemukakan permohonan berkahwin mengikut undang-undang Islam di setiap negeri. Sijil kursus pra perkahwinan juga merupakan salah satu dokumen yang perlu dilampirkan untuk memohon kebenaran berkahwin. Ketiadaan sijil ini, menyebabkan permohonan tidak lengkap dan tidak mendapat kebenaran untuk berkahwin. Walau bagaimanapun, MyGovernment (2021) telah meletakkan syarat-syarat bagi menyertai kursus pra perkahwinan bahawa terdapat golongan yang dikecualikan daripada mengikuti kursus pra perkahwinan iaitu mereka yang pernah berkahwin, mereka yang telah berumur 45 tahun ke atas untuk lelaki dan wanita berumur 40 tahun ke atas, golongan OKU dan warganegara asing. Oleh yang demikian, berdasarkan ketetapan tersebut, golongan OKU dikecualikan daripada mengikuti kursus pra perkahwinan.

Walaupun pengecualian menghadiri kursus pra-perkahwinan Islam telah diberikan kepada OKU disebabkan limitasi kemudahan kaedah pelaksanaan dan medium penyampaian dalam penganjuran MBKPPI (Zuliza Mohd Kusrin & Nur Syaidatul Akmar, 2020), namun mereka masih lagi mempunyai ruang sekiranya diberi peluang dan kemudahan melalui penganjuran yang lebih sesuai dan efisien menggunakan modul yang sama. Ini bagi mengurangkan kesan ketidakfahaman golongan ini apabila mereka kurang terdedah dengan kemahiran sendiri menyelesaikan krisis kekeluargaan dan pengurusan konflik dalam rumah tangga (JAIS, 30.1.2021) sehingga mengakibatkan ketidakupayaan OKU mengurus emosi, tekanan dan konflik serta peningkatan kes-kes perceraian dan kekeluargaan di mahkamah syariah (Azman, Norfatimah Amlin, Mohamad Anwar & Mursyid Junaidi, 2020) serta pengabaian hak-hak berkaitan disebabkan tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya menurut undang-undang.

MBKPPI yang telah digubal oleh pihak JAKIM merupakan modul yang komprehensif sebagai rujukan dan panduan kepada penceramah kursus praperkahwinan Islam dalam menyampaikan tajuk-tajuk yang terkandung dalam modul tersebut. Pihak JAKIM mensasarkan penggunaan MBKPPI oleh semua Jabatan Agama Islam Negeri dalam penganjuran kursus pra perkahwinan Islam yang lebih seragam, cekap dan berkualiti (MBKPPI, 2018). Kandungan modul ini meliputi topik ringkas berkaitan akidah, syariah, hukum-hukum fiqh berkaitan perkahwinan dan kekeluargaan Islam, undang-undang keluarga Islam dan prosedur berkaitan perkahwinan, kaedah komunikasi suami isteri, pengurusan kewangan dan kesihatan dalam keluarga, pengurusan stress dan konflik, pembubaran perkahwinan serta maklumat berkaitan majlis akad nikah.

MBKPPI digubal dengan melalui proses semakan panel penyemak pakar yang terdiri dari pegawai-pegawai JAKIM dan Jabatan-jabatan Agama Islam, Kementerian Kesihatan Malaysia, ahli akademi dari institusi-institusi pengajian tinggi serta agensi kaunseling. Dengan merujuk kepada sumber-sumber penulisan berautoriti, setiap 10 topik utama dalam MBKPPI disusun melalui dua pembahagian utama iaitu manual seperti nota kuliah mengikut bab dan bahagian kedua melalui susunan slaid mengikut bab-bab bagi memudahkan para penceramah dalam proses penyampaian isi kandungan modul. Topik-topik utama yang terkandung dalam MBKPPI adalah:

- i. Tasawwur Islam
- ii. Perkahwinan
- iii. Prosedur Perkahwinan
- iv. Tanggungjawab suami isteri

- v. Komunikasi Suami Isteri
- vi. Pengurusan Kewangan
- vii. Pengurusan Kesihatan
- viii. Pengurusan Stress dan Konflik
- ix. Pembubaran Perkahwinan
- x. Majlis Akad Nikah dan Walimatulurus

Manakala dari segi penyediaan modulnya, manual bagi setiap topik dalam MBKPPI disusun dengan cara meletakkan tempoh ceramah (seperti 1 ½ jam bagi 1 topik ceramah), sinopsis tajuk, objektif, hasil pembelajaran, kandungan sub-sub topik pengajaran serta nota berjadual sebagai manual yang memperincikan setiap sub-subtopik mengandungi definisi, konsep, dalil/hukum/peruntukan undang-undang serta contoh-contoh berkaitan. Walau bagaimanapun, isi kandungan MBKPPI tidak menyatakan secara khusus sama ada manual atau slaid-slaid yang ada boleh diakses oleh golongan OKU. Seolah-olahnya modul sedia ada boleh digunapakai untuk sebarang penganjuran kursus pra perkahwinan Islam sama ada disertai oleh golongan normal mahu pun OKU (Azizah et al., 2022)

4.2 Isu-isu berkaitan Pelaksanaan Kursus Pra Perkahwinan Islam Sedia Ada Kepada OKU Pendengaran

Secara umumnya, kursus pra perkahwinan Islam sedia ada yang dikendalikan oleh jabatan-jabatan agama Islam negeri-negeri masih boleh dihadiri oleh golongan OKU sekiranya mereka berminat dan berkeperluan khususnya bagi golongan OKU fizikal. Walaupun pengecualian diberi, tetapi pihak penganjur tiada halangan sekiranya golongan OKU berhasrat menyertainya untuk mendapatkan ilmu-ilmu berkaitan kekeluargaan Islam. Walau bagaimanapun, golongan OKU pendengaran didapati menghadapi masalah untuk menghadiri kursus pra perkahwinan sedia ada kerana kekangan medium penyampaian dan komunikasi. Justeru, hasil kajian mendapati terdapat beberapa isu dalam penganjuran kursus pra perkahwinan Islam sedia ada untuk golongan OKU pendengaran melibatkan fasiliti, keperluan jurubahasa, minat dan penyertaan golongan OKU pendengaran dan kesesuaian isi kandungan modul sedia ada untuk disampaikan kepada OKU tersebut.

4.2.1 Fasiliti dan prasarana kursus

Kursus pra perkahwinan sedia ada yang dikendalikan oleh jabatan-jabatan agama Islam negeri-negeri biasanya melibatkan pelaksanaan kursus selama dua hari bagi menyelesaikan kesemua modul yang telah ditetapkan. Lokasi dan kemudahan yang ada di tempat kursus adalah disediakan oleh pihak penganjur bagi keselesaan peserta kursus. Justeru, bagi memberi peluang kepada golongan OKU untuk menyertai kursus pra perkahwinan tersebut, maka kemudahan prasarana dan lokasi kursus mestilah mengambil kira keperluan dan keselesaan kepada peserta daripada kalangan OKU ini.

4.2.2 Medium penyampaian kursus

Medium penyampaian kursus pra perkahwinan melalui modul MBKPPI adalah secara lisan yang disampaikan oleh penceramah kursus dengan menggunakan bantuan slaid dan video yang bersesuaian bagi setiap topik. Justeru, ia menjadi kekangan kepada

golongan OKU pendengaran sekiranya menyertai kursus sedia ada kerana tidak dapat memahami kandungan kursus yang disampaikan. Menurut informan;

“Kita tak pernah anjurkan secara *direct* lah, secara khusus kepada OKU pekak ini kursus perkahwinan, cuma syarikat yang berdaftar di bawah kita berkerjasama dengan kiranya persatuan pekak berkerjasama dengan syarikat yang berdaftar di bawah JAWI untuk mengadakan kursus perkahwinan kepada OKU pekak ini. Jadi, sekiranya ada dikalangan OKU pekak ni nak hadir ke kursus perkahwinan, kita boleh libatkan mereka cuma mereka perlu bawa bersama jurubahasa lah, kira persatuan pekak boleh mohon untuk ahli mereka join kita punya kursus pra perkahwinan”. (Informan 2, 11 April 2022, 1:19:09)

“Setakat ni memang kita punya penggunaan tu, jurubahasa tu lah yang kita lihat sesuai untuk OKU pekak ini lah. Jadi apa-apa yang berkaitan dengan modul ni memang kita *direct* dengan JAKIM kira kita guna pakai modul dari JAKIM lah”. (Informan 2, 11 April 2022, 1:47:09)

“Di Perak, memang kita *tak de* kursus yang khusus untuk OKU dan memang pihak OKU ini pun diberi pengecualian untuk menghadiri kursus kahwin cuma kalau ada pun mungkin secara kerelaan individu tersebut dan tapi tak dimaklumkan kepada pihak kami yang mereka menyertai lah. Mungkin kalau yang bisu mungkin hadir tapi secara khusus memang tiada kita buat lah dan pengecualian pun mereka pun tak hadir untuk memberi isyarat untuk berkahwin lah”. (Informan 4, 12 April 2022, 1:25:58)

Dapatan kajian menunjukkan terdapat kekangan dalam kalangan golongan OKU untuk menyertai kursus pra perkahwinan yang dianjurkan kerana masalah komunikasi. Penyampaian modul adalah secara lisan dan ini tidak dapat difahami oleh peserta OKU. Mereka perlu menyediakan sendiri jurubahasa isyarat dan ia akan melibatkan kos yang tinggi. Justeru, adalah menjadi satu keperluan yang penting kepada pihak penganjur kursus untuk menggunakan modul dan medium penyampaian yang mesra OKU supaya menjadi akses penting untuk golongan OKU pendengaran mendapat maklumat dan ilmu-ilmu berkaitan kekeluargaan Islam. Penyediaan jurubahasa isyarat oleh pihak penganjur kursus adalah medium penting yang dapat membantu golongan OKU ini memahami topik-topik modul yang disampaikan tanpa melibatkan kos yang perlu ditanggung oleh mereka.

4.2.3 Minat dan penyertaan golongan OKU

Secara umumnya, pihak penganjur kursus tidak mempunyai masalah untuk menerima kehadiran peserta dalam kalangan golongan OKU sekiranya mereka berminat untuk mendalami ilmu-ilmu berkaitan perkahwinan dan kekeluargaan Islam. Walau bagaimanapun, hasil kajian mendapati kesediaan mereka untuk menghadiri program-program ilmu ini banyak bergantung kepada minat dan kesedaran mereka sendiri. Menurut Informan;

“Setakat ni data kita untuk kursus perkahwinan ni, pra perkahwinan, seandainya ada OKU yang berminat untuk hadir, kita benarkan, kiranya dia akan hadir dengan penterjemah lah.” (Informan 2, 11 April 2022, 53:09)

“Berdasarkan apa yang saya temubual dengan beberapa orang, memang mereka nak tahu pasal kahwin tapi tidak ada tempat yang menganjurkan kursus macam tu, tak jumpa lah, mungkin ada tapi mereka tak jumpa macam tu tapi bergantung lah kalau macam *family* yang ada *background* agama yang *concern* dengan anak dia”. (Informan 1, 11 April 2022, 1:26:41)

“Sekiranya ada penyertaan OKU pekak ni nak *join* kursus pra perkahwinan Islam di bawah Wilayah-wilayah persekutuan ni, jadi mereka ni boleh melalui pusat-pusat khusus yang telah dilantik dan diberikan permit penganjuran yang mana setakat ini terdapat 25 pusat khusus yang telah dilantik di Kuala Lumpur”. (Informan 2, 11 April 2022, 1:59:05)

4.2.4 Isi kandungan modul sedia ada

MBKPPI mengandungi topik-topik yang menyeluruh meliputi semua keperluan berkaitan perkahwinan, prosedur perkahwinan dan pengurusan konflik perkahwinan. Topik-topik yang disediakan adalah sesuai bagi semua golongan peserta sama ada normal atau kurang upaya. Walau bagaimanapun, hasil kajian merumuskan supaya diteliti topik-topik yang ada untuk disesuaikan dengan tahap penerimaan peserta daripada golongan OKU. Ini bertepatan dengan pandangan informan:

“Kita maknanya 10 tajuk ni merupakan tajuk yang kita kata terbaik yang merangkumi keseluruhan kehidupan. So kalau boleh dapat sepuluh-sepuluh ini disampaikan kepada orang pekak ni lagi baguslah saya rasa. Cuma terpulang kepada nanti pihak-pihak yang berkepentingan nak menerima ni contohnya barangkali Datin, dari segi pihak sasaran kita tu. Adakah kesepuluh-sepuluh tajuk ini sesuai ataupun boleh kita apa nama, *skip* atau sebagainya. Kita kata memadai yang sudah memadai tapi kalau dapat sepuluh ni lebih terbaik lah tapi *at least* kalau tak boleh semua jangan tinggal semua kan. So kalau jangan tinggal semua tu, apa yang patut tak tinggal. Barangkali yang rapat dengan NGO, dengan orang sasaran kita barangkali lebih memahami apa keperluan mereka sebenarnya.”(Informan 3, 11 April 2022, 1:44:25)

“ saya rasa cukup dah cuma kita ambil tajuk-tajuk yang bersesuaian sahaja lah supaya nanti ilmu-ilmu yang berterusan itu memang kena ada dimantapkan fasa *by fasa*. Jadi saya fikir selain daripada adanya jurubahasa yang baik, modul yang bagus juga bersesuaian dengan kumpulan bersasar ini perlu memberi impak yang besar sebenarnya kepada pihak-pihak dan saya nampak advokasi ni sangat penting

sebenarnya untuk kita war-warkan kepada golongan bersasar kita adalah dalam peringkat ini adalah OKU.” (Informan 3, 12 April 2022, 2:13:14)

Kesemua topik-topik berkenaan disampaikan dalam bentuk ceramah secara lisan dengan bantuan bahan pengajaran dalam bentuk slaid. Justeru, dapatan kajian menunjukkan bahawa modul perlu disediakan secara infografik bagi menarik perhatian dan minat golongan kurang upaya ini. Menurut informan;

“Dari segi tajuk, memang rasa dah merangkumi kehidupan kita lah daripada kita *start* tasawur Islamnya, kaedah perkahwinannya, perceraianya macam-macam lah apa semua itu memang sesuai. Itu sebenarnya gambaran kehidupan lah. Jadi, cuma yang saya masalahnya tukang menyampainya, itu isu yang sangat kita tak boleh *tackle* lagi setakat ni”. (Informan 3, 11 April 2022, 1:22:48)

“Cadangan modul yang kita boleh buat adalah, kandungan-kandungan modul ini dijadikan dalam bentuk infografik yang paling mudah mereka boleh dapat, infografik itu sebab dia tak perlu berbicara, kita melihat bahasa yang paling mudah tapi kekangannya kalau mereka tak de kemahiran membaca, sukar juga kan, ni kita fokus kepada yang mampu boleh baca so infografik yang paling *simple* tapi kita kena sebutlah untuk golongan bersasar ni sebab nanti dilihat oleh orang yang ni, dia akan kata ‘benda ni pun tak tahu’ ni pun memang konteks diorang kan, konteks untuk golongan bersasar ini”. (Informan 3, 12 April 2022, 1:57:46)

5.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, kursus pra perkahwinan adalah syarat di semua negeri sebelum mengemukakan permohonan berkahwin mengikut undang-undang Islam di setiap negeri. Walau bagaimanapun, pengecualian diberikan kepada golongan OKU termasuklah OKU pendengaran atas alasan kekangan kemampuan fizikal, fasiliti dan masalah dalam penyampaian isi kandungan kursus tersebut. Ia secara tidak langsung telah menjarakkan akses OKU kepada ilmu berkaitan ilmu asas rumah tangga. Kesannya, golongan ini kurang terdedah dengan kemahiran sendiri berkenaan ilmu rumahtangga, tanggungjawab suami isteri serta perkara melibatkan penyelesaian krisis kekeluargaan dan pengurusan konflik dalam rumah tangga. Implikasinya, wujud isu-isu ketidakupayaan OKU mengurus emosi, tekanan dan konflik yang membawa kepada perceraian dalam kalangan pasangan OKU pendengaran. Kajian mendapati terdapat beberapa isu dalam penganjuran kursus pra perkahwinan Islam untuk golongan OKU pendengaran melibatkan fasiliti, keperluan jurubahasa, minat dan penyertaan golongan OKU pendengaran dan kesesuaian isi kandungan modul sedia ada untuk disampaikan kepada OKU tersebut. Justeru, kajian ini merumuskan wujud keperluan membina modul kursus pembangunan keluarga mesra OKU pendengaran yang lebih sesuai dan relevan sebagai salah satu kaedah pengukuhan institusi kekeluargaan Islam bagi golongan tersebut dan memberi akses kepada mereka kepada ilmu berkaitan kehidupan asas mereka.

Perhargaan

Pihak kumpulan penyelidik kajian ini ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi di atas anugerah Geran *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) bagi tahun 2021 hingga 2023 yang diberikan dan penajaan sumber kewangan kepada kajian kami bertajuk Pembinaan Modul Kursus Pembangunan Keluarga Mesra OKU Sebagai Sistem Sokongan Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Islam (FRGS/1/2021/SSI0/KUIS/02/4). Semoga sokongan dan penajaan yang diamanahkan dapat memberikan impak yang besar kepada sistem sosial negara terutama dari aspek kestabilan institusi kekeluargaan sama ada dalam kalangan golongan tipikal normal mahu pun golongan OKU.

Rujukan

Akta Orang Kurang Upaya, 2008

Azizah Mohd Rapini, Zanariah Dimon, Nora'inan Bahari, Nawal Solehuddin, Nurhidayah Muhammad Hashim, Nur Dayana Mohd Khalil.(2022). Kedudukan OKU Dalam Sistem Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia: Analisis Terhadap Modul Bersepadu Kursus PraPerkahwinan Islam. eProsiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan kali ke 7 2022. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Azman Ab Rahman, NorFatimah Amlin Ab Ghani, Mohamad Anwar Zakaria & Mursyid Junaidi Mohd Faisal Yeap. (2020). Munakahat Issues Among People With Hearing Disability. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, Vol. 4 (1). 1-10.

Ferlis Bullare@Bahari, Lineker ak Takom, Jasmine Adela Mutang, Laila Wati Madian, Mohd Dahlan A.Malek & Rosnah Ismail. (2016). Model Ketidakupayaan Sosial-Perubatan Bagi Orang Kurang Upaya di Malaysia. *Southeast Asia Psychology Journal*, Vol.4. 35-48.

Hazlin Falina Rosli, Wan Amizah Wan Mahmud & Maizatul Haizan Mahbob.(2017). Realiti Penerimaan Masyarakat Terhadap Orang Kelainan Upaya (Oku) Di Malaysia Dari Perspektif Media. *Proceedings - The International Conference On Media And Communication 2017*, 20-22 Nov 2017. Marriot Putrajaya, Malaysia.

Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat - Maklumat Berkenaan Pendaftaran Orang Kurang Upa ya (OKU) Dan Kategori OKU

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat - Pelan Tindakan OKU 2016-2022. Unit Dakwah Dan Tarbiah, Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor

Modul Bersepadu Kursus PraPerkahwinan Islam.(2018). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

- Mohhairil Isaruddin, Mohammad Wafiq Lokman & Aizan Sofia Amin. (2018). Isu Pekerjaan Orang Kurang Upaya Pendengaran: Kajian Kes di Selangor. *Jurnal Wacana Sarjana*. Vol. . No 2. 1-10.
- Naimie Mohd Nawawi, Mohd Khairul Amri Kamarudin, Fuad Mohd Jali, Mohd Syaiful Nizam Abu Hassan. (2020) Penilaian Analisis Keperluan Kepada Penggunaan Bahasa Isyarat Bagi Orang Kurang Upaya (OKU) Kategori Masalah Pendengaran. *Akademika*. 90 (1).51-61
- Siti Muhibah Hj Nor & Zetty Nurzuliana Rashed, Menyantuni Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid: Keperluan dan Cabaran Perlaksa naannya. (2020) *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, Vol. 4(1).19-27.
- Temubual secara *Round Table Discussion* dalam talian bersama Datin Siti Muhibah Binti Hj. Nor, Wakil NGO OKU. Pada 11 April 2022. Jam 11 pagi.
- Temubual secara *Round Table Discussion* dalam talian bersama Dr. Norakyairee Mohd Raus Pengarah, Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (Ummi) Universiti Sains Islam Malaysia (Usim). Pada 12 April 2022. Jam 10 pagi.
- Temubual secara *Round Table Discussion* dalam talian bersama Puan Adibah Haji Muhammad Rivai, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan Keluarga Jabatan Agama Islam Perak. Pada 12 April 2022. Jam 10.00 pagi.
- Temubual secara *Round Table Discussion* dalam talian bersama Tuan Fauwaz bin Hasbullah, Pengarah, Bahagian Kesejahteraan Keluarga Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Negara. Pada 12 April 2022. Jam 10.30 pagi.
- Zulazhar Tahir, Sridevi Thambapillay, Jal Zabdi Mohd Yusoff, Ahmad Saufi Abdul Rahman.(2020). Undang-Undang Berkenaan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Perkembangan Perundangan Di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*. 14(1). 96-114.
- Zuliza Mohd Kusrin & Nur Syaidatul Akmar. (2020). Pelaksanaan Kursus Pra Perkahwinan Islam Untuk Golongan OKU Pendengaran di Malaysia. *Journal of Islamic And Contemporary Issues (al-Irsyad)*, Vol. 5 (1). 285-292.